

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 05 Julai 2021 13:01
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SEFB Dan Bursa Malaysia Rancakkan Aktiviti Bersama



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

5 JULAI 2021 / 25 ZULKAEDAH 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Dr. Mohd. Yushairi Mat Yusoff
Gambar oleh: Ahmad Shukri Harun

SEFB DAN BURSA MALAYSIA RANCAKKAN AKTIVITI BERSAMA

The screenshot displays a Zoom meeting in progress. The top portion shows a grid of participants' video feeds. Visible participants include Prof. Dr. Yusnidah Bt I, Yushairi Yusoff, umar, Eylani Ahmad (BEND), Abdul Razak Bin Abd, Diyana Faizal, Iani Ahmad (BEND), Webex SEFB, Abdul Razak Bin Abd, Maizatulliza Zakaria, har, a a deepa, Russayani Bt Ismail, Dr Shahimi Mohtar, yana Faizal, Prof. Dr. Yusnidah Bt I, Yushairi Yusoff, and Sabariah Nordin. The bottom portion of the screen shows a shared document titled "AGENDA" for the "MESYUARAT JAWATANKUASA DANA BURSA MALAYSIA (BURSA MALAYSIA ENDOWMENT COMMITTEE (BMEC)) KALAU KE-1 BIL. 10001". The agenda items are:

1. Auan Pengantar
2. Pengesahan Minut Mesyuarat Jawatankuasa Dana Bursa Malaysia / Bursa Malaysia Endowment Committee (BMEC)
3. Memorandum Pelaksanaan (Perkara perkara berbangkit daripada minit mesyuarat yang lalu)
4. Laporan Bendahan
5. Laporan Aktiviti
- 5.1 Aktiviti yang telah dilaksanakan

The document also includes the date "Tarikh : 08 Jun 2021, Selasa" and the time "Masa : 1.30 Petang".

UUM ONLINE: Mesyuarat Jawatankuasa Dana Bursa Malaysia (Bursa Malaysia Endowment Committee (BMEC)) yang dipengerusikan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Shahimi Mohtar, baru-baru ini telah bersetuju untuk melantik seorang Profesor sebagai Profesor Kursi Bursa (Bursa Chair Professor).

Menerusi lantikan tersebut, antara aktiviti yang dicadangkan adalah sesi webinar dan pengumuman rasmi SEFB Bursa Chair Professor, pelancaran Bursa Chair Research Grant, Investment Week, Bursa Malaysia Laureate Lecture atau/dan 'Bursa Malaysia-UUM Roundtable Discussion (RTD)' dan latihan kepada staf Bursa Malaysia.

Pengaktifan semula 'Bursa Chair' di Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB) ini diharap akan menjadi pemangkin kepada pembangunan ilmu khususnya yang berkaitan dengan industri kewangan dan sekuriti di Malaysia melalui pengembangan dan promosi penyelidikan, pendidikan, dan latihan yang telah dirancang.

Mesyuarat itu turut disertai Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia, Dato' Muhammad Umar Swift; Penolong Naib Canselor UUM COB merangkap Dekan SEFB, Prof. Dr. Russayani Ismail dan pegawai kanan dari Bursa Malaysia serta UUM.

UUM dan Bursa Malaysia telah lama menjalin kerjasama sejak Ogos 1997 dengan termeterai satu perjanjian yang mana Bursa Malaysia telah bersetuju untuk memberi endowmen bagi tujuan penubuhan dan pembiayaan kursi akademik dan penyelidikan di UUM. Geran ini kemudiannya bakal dimanfaatkan untuk pembiayaan projek penyelidikan berimpak tinggi, seminar dan sebarang aktiviti yang berkaitan dengan pasaran modal hasil perundingan bersama Bursa Malaysia.

Pada Disember tahun lalu, UUM menerusi SEFB telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) baharu dengan Bursa Malaysia bagi mengaktifkan semula dana yang telah dilaburkan.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.